

Tenaga pendidik prasekolah perlukan guru berilmu, terlatih

KOTA KINABALU: Tenaga pendidik di prasekolah kini menuntut guru yang berilmu pengetahuan dan terlatih dalam bidang berkenaan, kata Pengarah Yayasan Sabah Tan Sri Datu Khalil Jamalul.

Beliau berkata, ini kerana penubuhan prasekolah adalah sama penting dengan dengan sekolah rendah dan menengah yang memerlukan kecemerlangan murid dalam pembelajaran dan potensi mereka untuk cemerlang.

"Seperti pembelajaran di sekolah, murid prasekolah perlu diberi pembelajaran mengenai asas sosial, motivasi, nilai keagamaan dan moral di samping mengembang potensi dan kreativiti mereka yang dapat menyemai jiwa bangsa yang cintakan negara," katanya.

Beliau berucap pada majlis penutupan Pendidikan Prasekolah Kebangsaan Yang Terkini Untuk Guru-Guru Tadika Pusat Bakti Ikhlas Yayasan Sabah di sini, kelmarin.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Pegawai Unit Pendidikan Yayasan Sabah, Dollah @ A Zunaidey Haji Mahmood.

Datu Khalil berkata, Yayasan Sabah tidak terkecuali untuk melahirkan tenaga pengajar prasekolah yang menepati hasrat

ini sesuai dengan keperluan kurikulum Pendidikan Prasekolah yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkuatkuasa awal tahun ini.

Menurutnya, ini memastikan potensi murid prasekolah seimbang menjadi individu yang bermanfaat kepada diri, keluarga dan masyarakat berlandaskan bangsa Malaysia.

"Latihan dan bengkel prasekolah yang diberi kepada tenaga pengajar prasekolah yang kendalikan oleh pakar dari universiti tempatan seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Putera Malaysia (UPM) dapat memastikan mereka benar-benar layak untuk mendidik kanak-kanak prasekolah," katanya.

Seperti jabatan kerajaan dan agensi lain, katanya Yayasan Sabah juga menawarkan perkhidmatan pendidikan prasekolah yang tertumpu di kawasan luar bandar.

Katanya, pembabitan jabatan kerajaan seperti Kemas, Jabatan Perpaduan dan Jheains dalam perkhidmatan pendidikan prasekolah amat penting untuk memastikan mutu pendidikan di peringkat itu dapat dipertanggungjawabkan.

"Ini akan dapat memenuhi keperluan

dan permintaan rakyat," katanya.

Dalam hubungan ini, beliau berkata pihaknya menerusi Pusat Pengembangan Kanak-Kanak Yayasan Sabah memberi fokus untuk menaik taraf perkhidmatan dan kemudahan Tadika Bakti Ikhlas di peringkat semua zon.

Katanya, ia dikawal selia oleh pihak pengurusan Tadika Pusat Bakti Ikhlas bagi menyediakan perkhidmatan yang mencapai sasaran ke akar umbi untuk menikmati peluang pendidikan prasekolah.

Menurutnya, setiap tadika di zon berkenaan akan dipilih yang terbaik sebagai tadika contoh yang akan menerima kemudahan seperti dinaikkan, kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Manakala, tadika lain di zon yang sama terus beroperasi juga akan diberi kemudahan yang sama dari semasa ke semasa.

"Bermula tahun depan, Pejabat Yayasan Sabah di peringkat zon akan dipertanggungjawabkan untuk memantau dan mengawasi tadika berkenaan untuk meningkatkan mutu dan keupayaan tadika dalam perkhidmatan kepada masyarakat," katanya. **-OLEH YATIM TAUBATAL ANDAM**